

Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn

Oleh

Mohd. Nor bin Ikhazan

Hazwani bte Sapar

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mdnorihk@uthm.edu.my

ABSTRAK

Gaya Pembelajaran di kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah berbeza. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar bagi membolehkan ia diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan empat gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh Honey dan Mumford iaitu Aktivis, Teoris, Reflektif dan Pragmatis. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan faktor jantina, pencapaian akademik, dan kelayakan kemasukan. Seramai 240 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk deskriptif dan kaedah kajian yang digunakan ialah borang soal selidik, untuk memperoleh data-data berkenaan. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 11.0 untuk mendapatkan nilai skor min, sisihan piawai dan peratus. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM mempunyai kekuatan dalam gaya pembelajaran Teoris. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran Reflektif, Teoris dan Pragmatis dengan jantina pelajar kecuali dalam aspek gaya pembelajaran Aktivis. Manakala terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Aktivis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis dengan kumpulan pelajar lepasan diploma dan kumpulan pelajar matrikulasi. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat membantu pelajar dan pensyarah khususnya dalam bidang pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka seharian.

PENGENALAN

Gaya pembelajaran telah dikenal pasti sebagai faktor yang memberi sumbangan yang besar di dalam pencapaian akademik seseorang individu. Kajian di Barat telah mengenal pasti empat gaya pembelajaran dalam Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford iaitu Aktivis, Reflektor, Teoris dan Pragmatis. (Ee Ah Meng, 1996)

Dalam penyelidikan yang dijalankan oleh Mooney dan Price dalam Khalid, (1992) mendapati masalah yang paling banyak dihadapi oleh para pelajar institusi pengajian tinggi adalah,

- i) Tidak tahu cara belajar yang berkesan.
- ii) Tidak dapat menumpukan perhatian yang baik.

Secara umumnya, gaya pembelajaran di antara pelajar adalah tidak sama. Begitu juga dengan hasil pencapaian yang diperoleh oleh mereka. Masalah untuk mengaplikasikan gaya pembelajaran yang bersesuaian dan berkesan banyak berlaku di kalangan pelajar yang baru memasuki institut pengajian tinggi. Kebanyakan daripada mereka tidak menyedari tentang gaya pembelajaran yang bersesuaian untuk diaplikasikan di dalam proses pembelajaran. Dengan mengetahui gaya pembelajaran yang sebenar diamalkan secara langsung akan dapat membantu para pelajar untuk menyusun strategi yang berkesan dalam proses pembelajaran mereka.

- i) Apakah gaya pembelajaran yang paling digemari diamalkan oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM berdasarkan empat jenis gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh Honey dan Mumford iaitu Aktivis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis.
- ii) Sejauh manakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran terhadap jantina responden?
- iii) Sejauh manakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran terhadap kelayakan kemasukan responden?

Perbincangan Kajian

Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian,, didapati bahawa aya pembelajaran pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM mencatatkan nilai min pada tahap yang tinggi dari aspek gaya pembelajaran Teoris, diikuti gaya pembelajaran Reflektif dan gaya pembelajaran Pragmatis manakala gaya pembelajaran Aktivis pula mencatatkan nilai min pada tahap yang sederhana. Secara keseluruhannya, bagi tujuan merumuskan hasil dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji membincangkan keputusan berdasarkan kepada setiap persoalan kajian yang menekankan pengamalan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM.

Demografi Responden

Analisis daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pecahan responden berdasarkan faktor jantina terdiri daripada 143 orang pelajar perempuan manakala pelajar lelaki adalah seramai 97 orang. Jumlah pecahan responden berdasarkan jantina adalah tidak sama disebabkan majoriti pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek) terdiri daripada pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki.

Daripada jumlah tersebut, 175 orang daripadanya berumur di antara 20 hingga 23 tahun, 44 orang pula berumur di antara 24 hingga 27 tahun, 20 orang berumur di bawah 20 tahun dan seorang sahaja berumur 27 tahun ke atas. Keadaan ini berlaku disebabkan kajian ini dilakukan secara rawak yang mana melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM.

Berdasarkan kepada kelayakan kemasukan responden ke UTHM, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik secara taburan normal di mana kajian ini melibatkan seramai 120 orang pelajar lepasan diploma dan 120 orang pelajar lepasan matrikulasi.

Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM

Persoalan Kajian 1: Apakah gaya pembelajaran yang paling digemari diamalkan oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM berdasarkan empat jenis gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh Honey dan Mumford (1992) iaitu Aktivis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis.

Analisis terhadap kajian yang telah dijalankan mendapati taburan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM mengamalkan keempat-empat gaya pembelajaran yang dinyatakan oleh Honey dan Mumford (1992) iaitu gaya pembelajaran Aktivis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis. Dapatan ini disokong oleh Kolb (1984) yang menyatakan bahawa setiap manusia mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri di mana dalam setiap satu gaya pembelajaran tersebut ada kekuatannya yang tersendiri terhadap individu tersebut.

i) Gaya Pembelajaran Aktivis

Menurut Honey dan Mumford (1992), seseorang yang memiliki gaya pembelajaran Aktivis suka melibatkan diri secara aktif dan agresif dalam aktiviti pembelajarannya. Golongan pelajar ini biasanya mempunyai sikap tidak sabar dan tergesa-gesa. Ini adalah kerana perasaan ingin tahu yang tinggi terhadap perkara-perkara baru. Mereka juga gemar mencari pengalaman baru, sentiasa bersemangat, berfikiran terbuka, mempunyai motivasi diri yang kuat dan sentiasa mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah dengan sendiri. Pelajar dalam golongan ini cenderung melakukan sesuatu sebelum memikirkan kesan dan akibatnya. Mereka akan berusaha memenuhi masa harian mereka dengan membuat pelbagai aktiviti. Selain itu, pelajar dalam golongan ini suka melibatkan diri dalam kerja-kerja amali, sukan dan aktiviti ko-kurikulum.

Merujuk kepada Jadual 1.1, gaya pembelajaran aktivis gemar diamalkan pada tahap yang sederhana oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM. Pelajar dalam golongan ini adalah merupakan pelajar yang melibatkan diri secara aktif dan berminat dengan aktiviti pembelajarannya. Gaya pembelajaran ini sesuai dengan kursus pendidikan teknik dan vokasional kerana bidang ini memerlukan pelajar untuk bergiat aktif semasa proses pembelajaran dan semasa menjalankan amali di makmal atau bengkel. Contohnya semasa melakukan amali di bengkel, pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini gemar mencari pengalaman baru dengan berusaha memahirkan diri dengan mengaplikasikan penggunaan peralatan di bengkel. Kenyataan ini diperkuatkan oleh Ee Ah Meng (1994) yang menyatakan pelajar jenis ini lebih berfikiran terbuka dan suka terlibat dalam sesi perbincangan seperti sumbangan. Namun, sifat aktif yang dimiliki menyebabkan pelajar jenis ini bersikap tidak sabar dan tergesa-gesa dalam melakukan sesuatu kerja.

Jadual 1.1. Gaya Pembelajaran Aktivis

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
2	Saya percaya bahawa prosedur dan polisi yang formal membataskan manusia.	3.93	0.872
6	Saya sering mendapati bahawa tindakan yang berlandaskan perasaan adalah setara dengan tindakan yang dibuat berdasarkan penilaian dan pemikiran yang teliti.	3.33	1.053
10	Saya lebih tertarik terhadap idea-idea yang baru dan luar biasa berbanding dengan idea yang praktikal.	3.95	0.806
14	Saya berminat untuk berhadapan dengan cabaran baru dan berlainan untuk menyelesaikan masalah.	4.07	0.748
18	Saya suka kepada orang yang bersikap spontan dan gemar berseronok.	3.85	0.884
21	Saya sering mengambil risiko yang munasabah jika saya fikir ia sesuai.	3.93	0.708
25	Saya mencari pengalaman baru secara aktif.	3.87	0.659
31	Saya lebih terbuka dalam meluahkan apa yang saya rasa.	3.87	0.929
33	Saya lebih gemar bertindak secara spontan dan fleksibel dari merancang terlebih dahulu.	3.59	1.051
34	Saya kurang senang dengan orang yang pendiam dan banyak berfikir.	3.059	1.063
Gaya Pembelajaran Aktivis Bagi Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM		3.79	0.877

Gaya pembelajaran Aktivis dalam Honey dan Mumford (1992) bagi kajian ini mempunyai persamaan dengan Model Felder dan Silverman (1988) berdasarkan kepada ciri-cirinya. Syahrulazmin (2004), dalam kajian menggunakan Model Felder dan Silverman (1988) menyatakan bahawa pembelajaran dalam subjek kejuruteraan memerlukan pelajar mahir dalam penggunaan alatan dan bekerja secara berkumpulan kerana pelajar perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajarannya. Rosewell (2004) menyatakan bahawa pelajar Aktivis akan belajar dengan lebih berkesan sekiranya mereka dapat melibatkan diri dengan pengalaman iaitu diberi kesempatan untuk menggunakan peralatan dan bekerja secara berkumpulan. Selain itu pelajar juga perlu bersikap aktif dengan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan.

ii) Gaya Pembelajaran Reflektif

Honey dan Mumford (1992) mengelaskan pelajar yang memiliki gaya pembelajaran Reflektif lebih suka memerhati, memikir dan membuat refleksi sendiri terhadap apa yang ada di persekitaran Mereka mempunyai idea sendiri, memerhati, menyoal siasat, mentafsir, menilai serta membuat refleksi sendiri dengan kemahiran berfikir. Pelajar dalam golongan ini mempunyai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, suka mentafsir dan menilai sesuatu perkara dari pelbagai sudut pandangan, prinsip, keputusan atau projek, membuat refleksi sendiri, sentiasa berhati-hati, memikirkan pelbagai pilihan dengan teliti serta mendalam sebelum membuat sebarang kesimpulan, belajar dan membuat kerja secara sistematik.

Jadual 1.2. Gaya Pembelajaran Reflektif

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya berkeyakinan penuh terhadap apa yang benar dan salah, baik dan buruk.	4.19	0.816
5	Saya mengambil berat terhadap disiplin sendiri seperti sentiasa mematuhi perkara rutin dalam aktiviti seharian.	3.97	0.848
9	Saya cenderung dengan orang yang berfikiran secara logik dan analitis, tetapi kurang cenderung dengan orang yang tidak rasional dan spontan.	3.82	0.895
13	Saya memilih untuk berada dalam hubungan yang formal sahaja dengan rakan sekerja.	3.24	2.321
17	Saya sukar untuk memberikan pendapat secara cepat atau spontan.	3.42	1.007
26	Saya cenderung membuat keputusan berhati-hati setelah mempertimbangkan pelbagai alternatif.	3.98	0.726
29	Saya memberi tumpuan terhadap butir-butir terperinci dengan cermat sebelum membuat keputusan.	3.95	0.654
32	Saya seronok melihat gelagat peserta lain dalam perbincangan.	3.97	0.872
35	Saya kurang senang dengan orang yang melakukan sesuatu kerja secara tergesa-gesa.	3.77	1.010
40	Berfikir dengan cermat sebelum mengambil tindakan adalah yang terbaik.	4.50	0.678
Gaya Pembelajaran Reflektif Bagi Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM		3.88	0.983

Merujuk kepada Jadual 1.2, gaya pembelajaran Reflektif gemar diamalkan pada tahap yang tinggi oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM. Gaya pembelajaran Reflektif ini gemar diamalkan oleh pelajar-pelajar pendidikan teknik dan vokasional kerana ianya bersesuaian dengan subjek kejuruteraan yang sedang dipelajari. Ini adalah kerana dalam subjek kejuruteraan, pelajar didedahkan kepada subjek-subjek pengiraan, amali dan pengadaptasian teori kepada aplikasi dalam pembelajaran seharian mereka. Menurut Honey dan Mumford (1992), dalam melakukan sesuatu pekerjaan ataupun menyelesaikan sebarang permasalahan, pelajar jenis ini memerlukan masa yang secukupnya untuk membuat persediaan dan melaksanakan kerja tersebut. Ini adalah kerana, bidang pendidikan teknik dan vokasional menuntut pelajar untuk meneliti terlebih dahulu sesuatu tindakan yang ingin dilakukan sebelum melaksanakannya. Di samping itu, pelajar ini terlebih dahulu akan mengumpulkan sebarang maklumat yang berkaitan dalam menyelesaikan tugas tersebut kerana mereka memastikan setiap tugas yang dilakukan adalah yang terbaik dan memuaskan hati (Julie, 1995). Namun, Ee Ah Meng (1994) menyatakan, kesan daripada gaya pembelajaran ini yang lebih menekankan, pelajar itu memerlukan masa yang lama untuk membuat satu-satu kesimpulan.

Pola pengamalan gaya pembelajaran ini menunjukkan bahawa, kebanyakan pelajar-pelajar pendidikan teknik dan vokasional menekankan langkah kerja yang sistematik dalam melaksanakan setiap tugas yang diberikan. Julie (1995) menyokong pemyataan ini dengan menyatakan bahawa, kekuatan yang ada pada diri pelajar yang mengamalkan gaya

pembelajaran jenis ini adalah apabila mereka berhadapan dengan aktiviti yang dijalankan itu memberi peluang kepada mereka untuk memikir, meneliti dan mengimbas kembali pengalaman yang telah mereka lalui dalam pembelajaran sebelum membuat sesuatu kesimpulan. Di samping itu, Ee Ah Meng (1994) menambah, persediaan yang mencukupi dari segi perancangan, masa dan maklumat membolehkan pelajar ini membuat tugas dengan lebih teratur. Contohnya untuk menyiapkan satu tugas yang memerlukan para pelajar melakukannya secara berkumpulan, perbincangan terhadap langkah kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan terlebih dahulu demi menjamin tugas yang dilakukan dapat disiapkan dalam tempoh yang dikehendaki.

Selain itu, pelajar jenis ini juga suka mengaitkan perkara-perkara yang dipelajari ke dalam keperluan persekitaran mereka (Muhamed, 1999). Di samping itu, Honey dan Mumford (1992) menambah, pelajar yang memiliki sikap berhati-hati, berwaspada dan sentiasa memikirkan pelbagai pilihan dengan teliti di mana keadaan ini dipraktikkan oleh pelajar terutama dalam melakukan ujikaji di makmal atau amali di bengkel. Ini kerana sebarang kecuaiian boleh menyebabkan kecederaan dan kerosakan pada alatan yang digunakan.

iii) Gaya Pembelajaran Teoris

Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran bersifat teoritis gemar menggunakan prinsip dan teori untuk membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara. Pelajar kumpulan ini mengintegrasikan hasil-hasil pemerhatian dalam satu susunan logik serta memikirkan sesuatu masalah mengikut langkah-langkah yang tertentu dan bersifat logik. Mereka ini lebih berdisiplin, memiliki objektif sendiri, berfikir rasional dan logik, kurang kreatif kerana menitikberatkan penggunaan otak kiri, gemar mencari sebab serta akibat sesuatu perkara yang berlaku dan berminat mengkaji fenomena-fenomena yang berlaku dalam alam sekitar (Honey dan Mumford, 1992).

Berdasarkan kepada Jadual 1.3 menunjukkan bahawa, gaya pembelajaran Teoris yang gemar diamalkan oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM berada pada tahap yang paling tinggi. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini adalah kerana, dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional banyak teori yang digunakan untuk diaplikasikan dalam pembelajaran seharian. Ini contohnya, dalam subjek termobendalir, pemindahan haba mengandungi banyak teori-teori mengenai pengaliran haba dalam sesuatu bahan. Maka, sebelum menyelesaikan masalah pengiraan yang melibatkan haba, pelajar hendaklah terlebih dahulu, memahami teori-teori yang terlibat seterusnya memilih rumus yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Glen (1991) yang menyatakan bahawa, dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang melibatkan pengiraan, pelajar akan mengubah, membuat perbezaan dan menggunakan sesuatu pendekatan untuk menguji sesuatu konsep dengan menggunakan strategi, fakta dan juga perkaitan teori untuk menjadikan penyelesaian pengiraan tersebut lebih mudah dan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Jadual 1.3. Gaya Pembelajaran Teoris

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
4	Saya sukakan pekerjaan yang memberikan masa untuk membuat persediaan.	4.28	0.692
8	Saya mengambil berat terhadap interpretasi data yang ada dan mengelak daripada terus membuat kesimpulan.	3.73	0.719
12	Saya mendengar pendapat orang lain sebelum memberikan pendapat saya sendiri.	3.90	0.878
16	Saya suka untuk mempunyai sebanyak mungkin maklumat kerana lebih banyak data untuk difikirkan.	4.08	0.715
20	Saya akan risau jika saya tergesa-gesa untuk menyelesaikan suatu kerja pada tarikh yang ditetapkan.	4.05	0.824
22	Saya cenderung menyelesaikan masalah menggunakan pendekatan langkah demi langkah untuk mengelakkan pendapat yang tidak berdasar.	3.95	0.733
23	Saya sering menyoal orang tentang tanggapan utama mereka.	3.74	0.813
30	Orang yang tidak serius dalam sesuatu perkara selalunya menyakitkan hati saya.	3.98	0.908
36	Saya lebih cenderung ke arah kesempurnaan.	4.06	0.776
37	Saya percaya bahawa pemikiran yang rasional dan logik akhirnya akan membawa kepada kejayaan.	4.25	0.752
Gaya Pembelajaran Teoris Bagi Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM		4.00	0.781

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini lebih menekankan aspek teori dalam pembelajaran mereka. Bagi memahami sesuatu konsep yang mendalam, pelajar jenis ini kebiasaannya tidak mengalami sebarang masalah kerana teori adalah merupakan elemen yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran mereka. Menurut Julie (1995), pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini mempunyai kekuatan apabila berada dalam keadaan situasi bermatlamat, teransang dengan model, konsep, teori dan sistem apabila diminta untuk memahami dan mengambil bahagian dalam situasi yang kompleks.

Di samping itu, dalam menjalankan ujikaji, pelajar jenis ini juga gemar membuat dan menguji hipotesis seterusnya membuat kesimpulan berdasarkan bukti yang diperolehi. Kenyataan ini disokong oleh Honey dan Mumford (1992), yang menyatakan golongan pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini lebih menggunakan pemikiran yang rasional dan logik.

Selain itu, pembelajaran dalam bidang teknikal bukan sahaja memerlukan gaya pembelajaran secara Aktivis, dan Reflektif. Malah seseorang pelajar juga perlu bersifat Teoris. Pelajar yang bersifat Teoris akan sentiasa berdisiplin dalam aktiviti pembelajaran. Rosewell (2004), menyatakan bahawa seorang pelajar yang memiliki gaya pembelajaran secara Teoris akan belajar dengan mudah sekiranya mereka memahami teori dan konsep sesuatu topik berbanding dengan penglibatan mereka secara aktif dalam aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan.

iv) Gaya Pembelajaran Pragmatis

Honey dan Mumford (1992) menyatakan pelajar yang bersifat pragmatis lebih praktikal dan mementingkan kebenaran daripada teori, hukum atau prinsip yang sedia ada. Mereka mengutamakan aplikasi teori, hukum atau prinsip yang sedia ada dalam situasi sebenar, dan berusaha sedaya upaya merealisasikan idea, teori atau sesuatu teknik. Selain itu, mereka juga lebih bersifat ekspesif daripada kreatif serta suka membuat perbandingan. Pelajar dalam gaya pembelajaran pragmatis suka menggunakan bahan-bahan konkrit untuk menjalankan aktiviti pembelajaran.

Jadual 1.4. Gaya Pembelajaran Pragmatis

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
3	Saya mempunyai reputasi sebagai seorang yang tegas dan berpendirian.	3.86	0.806
7	Apabila saya menjumpai idea atau pendekatan baru, saya terus memulakan kerja dan berusaha untuk melaksanakannya.	3.66	0.786
11	Saya tetap menggunakan suatu kaedah untuk menyelesaikan masalah selagi tidak menemui kaedah yang lebih baik.	3.76	0.914
15	Saya gemar untuk mencapai objektif atau matlamat dengan segera.	3.85	0.802
19	Dalam perbincangan, saya mengutarakan idea-idea yang praktik dan realistik.	3.64	0.725
24	Sesuatu yang praktikal adalah yang paling bererti.	3.89	0.712
27	Saya menerima dan mematuhi segala prosedur dan polisi yang ditetapkan jika saya mendapati ia adalah kaedah yang efisien untuk menyelesaikan kerja.	4.00	0.678
28	Saya suka mengaitkan tindakan saya dengan prinsip umum.	3.68	0.766
38	Saya suka orang yang mempunyai pendekatan secara realistik berbanding teoritikal.	4.03	0.751
39	Dalam sesuatu perbincangan, saya tidak gemar kepada perbincangan perkara-perkara yang tidak relevan dan menyimpang dari objektif perbincangan.	3.89	1.002
Gaya Pembelajaran Pragmatis Bagi Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM		3.83	0.794

Merujuk kepada Jadual 1.4, gaya pembelajaran Pragmatis juga gemar diamalkan pada tahap yang tinggi oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM. Berdasarkan ciri-ciri pelajar yang bersifat pragmatis, daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa pelajar pragmatis belajar melalui pengalaman. Oleh itu, pelajar yang bersifat pragmatis dapat menguasai sesuatu subjek yang dipelajari dengan mudah setelah melalui sesi praktikal dan teori.

Shahbuddin dan Rohizani (2004) turut menyokong pemyataan tersebut yang juga menyatakan bahawa pelajar jenis ini adalah bersikap lebih praktikal berbanding pelajar lain dalam pembelajaran yang diikuti. Mereka dikatakan gemar mencuba idea, teori dan teknik yang pelbagai dalam pembelajaran. Ini kerana, dalam pembelajaran bidang kejuruteraan, ia

melibatkan banyak teori dan rumus yang pelbagai dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Maka dengan adanya pelbagai teknik dan idea, ini memudahkan mereka untuk menyimpulkan sebarang kaedah yang terbaik dan teringkas dengan membuat perbandingan.

Perbezaan Gaya Pembelajaran dengan Faktor Jantina Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM

Persoalan Kajian 2. Sejauh manakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran terhadap jantina responden.

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada analisis data terhadap perbezaan signifikan di antara gaya pembelajaran dengan jantina pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM. Analisis dapatan kajian ini dilakukan dengan menggunakan Ujian t Bagi Dua Sampel Bebas (*Independent Samples T Test*). Hasil analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan pelajar perempuan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional ini mengamalkan kesemua gaya pembelajaran dalam aktiviti pembelajaran mereka.

Jadual 1.5. Perbezaan Signifikan Di Antara Kumpulan Pelajar Lelaki Dengan Kumpulan Pelajar Perempuan Berdasarkan Gaya Pembelajaran

Gaya Pembelajaran	Ujian t			Min	
	t	df	Sig. (2-tailed)	Lelaki	Perempuan
Aktivis	2.876	238	0.004	3.89	3.72
Reflektif	0.372	238	0.710	3.89	3.87
Teoris	-0.501	238	0.617	3.99	4.01
Pragmatis	0.204	238	0.839	3.83	3.82

Dapatan kajian membuktikan bahawa hipotesis null (H_0) diterima bagi indikator gaya pembelajaran Reflektif, Teoris dan Pragmatis yang mana hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina pelajar di mana nilai p yang diperolehi bagi ketiga-tiga indikator gaya pembelajaran tersebut adalah lebih besar daripada 0.05. Ini jelas menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi gaya pembelajaran Reflektif, Teoris dan Pragmatis seseorang pelajar dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran mereka seharian.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa perbezaan jantina di kalangan pelajar tidak mempengaruhi gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar tersebut. Shahbuddin dan Rohizani (2004) menyatakan bahawa keadaan ini berlaku adalah disebabkan pelajar merasakan bahawa gaya pembelajaran yang diamalkan tersebut adalah bersesuaian dengan diri mereka. Kesamaan gaya belajar di kalangan kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan perempuan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional ini adalah disebabkan oleh keperluan dan bentuk kurikulum yang terkandung dalam subjek pendidikan teknik dan vokasional tersebut. Maka, dengan adanya asas dalam diri setiap pelajar, kini mereka hanya perlu memperluaskan lagi penguasaan ilmu dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional ini. Kenyataan ini disokong oleh Ee Ah Meng (2003), yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran dipengaruhi oleh faktor personaliti dan dibentuk oleh pelajar pada peringkat kanak-kanak lagi dan akan terus berkembang dan digunakan oleh individu-individu tersebut.

Berbeza pula dengan indikator bagi gaya pembelajaran Aktivis di mana analisis dapatan kajian menolak hipotesis null $H_{0(1)}$ iaitu hasil analisis membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran berdasarkan jantina pelajar di mana nilai p yang diperolehi bagi indikator gaya pembelajaran tersebut adalah lebih kecil daripada 0.05. Ini jelas menunjukkan bahawa gaya pembelajaran Aktivis mempengaruhi jantina pelajar dalam melaksanakan aktiviti pembelajarannya.

Ini disebabkan, pembelajaran dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional memerlukan setiap pelajar yang terlibat untuk menguasai segala kemahiran ilmu dan juga kemahiran teknikal. Keadaan ini tidak mengecualikan kumpulan pelajar perempuan untuk turut sama mengalami pengalaman pembelajaran dalam bidang teknikal seperti kumpulan pelajar lelaki yang juga mempelajari bidang yang sama. Ini adalah kerana, dalam mempelajari bidang kemahiran teknikal, pelajar perempuan dikatakan lebih bersifat lemah lembut dan perlu berusaha dengan lebih gigih untuk menguasai setiap tahap kemahiran penggunaan alatan berbanding kumpulan pelajar lelaki yang memang memiliki kekuatan fizikal yang lebih berbanding kumpulan pelajar perempuan. Kenyataan ini disokong oleh Rohaty (1998) yang menyatakan bahawa jantina mahasiswa mempengaruhi gaya pembelajaran yang mana pelajar perempuan lebih pasif dan pemalu serta menunjukkan penglibatan yang kurang aktif berbanding dengan pelajar lelaki yang lebih gemar kepada aktiviti yang aktif dan lasak dalam aktiviti pembelajarannya.

Selain itu, tanpa adanya persaingan tersebut, kumpulan pelajar perempuan akan ketinggalan dalam aspek penguasaan kemahiran. Kenyataan ini disokong oleh Mark dan Philip (1995) yang menyatakan bahawa personaliti dan peranan sosial yang dimainkan oleh setiap individu akan menyebabkan perkembangan berperingkat berlaku dalam diri seseorang. Lingkungan kerja pada satu-satu peringkat umur individu menyebabkan berlakunya perkembangan diri, sifat ego dan personaliti seseorang dikatakan mempunyai perkaitan yang kuat dalam menentukan gaya pembelajaran seseorang individu. Kenyataan ini turut disokong oleh Kolb (1984) yang menyatakan bahawa, pengamalan sesuatu gaya pembelajaran pada seseorang individu adalah disebabkan oleh kesesuaian dan keperluan keadaan semasa dalam pengajian pelajar.

Perbezaan Gaya Pembelajaran dengan Faktor Kelayakan Kemasukan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada analisis data terhadap perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan kelayakan kemasukan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM. Analisis data dilakukan dengan menggunakan Ujian t Bagi Dua Sampel Bebas (*Independent Samples T Test*). Hasil analisis menunjukkan bahawa kumpulan pelajar lepasan diploma dan kumpulan pelajar lepasan matrikulasi mengamalkan kesemua gaya pembelajaran dalam aktiviti pembelajaran mereka seharian.

Dapatan kajian membuktikan bahawa hipotesis null $H_{0(2)}$ ditolak kerana hasil analisis membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi keempat-empat gaya pembelajaran iaitu Aktivis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis dengan kelayakan kemasukan pelajar ke UTHM di mana nilai p yang diperolehi bagi keempat-empat gaya pembelajaran tersebut adalah lebih kecil daripada 0.05. Ini membuktikan bahawa kelayakan kemasukan

pelajar ke UTHM mempengaruhi gaya pembelajaran bagi seseorang pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM.

Jadual 1.6. Perbezaan Signifikan di Antara Kumpulan Pelajar Lulusan Diploma dengan Kumpulan Pelajar Lulusan Matrikulasi Berdasarkan Gaya Pembelajaran

Gaya Pembelajaran	Ujian t			Min	
	t	df	Sig. (2-tailed)	Diploma	Matrikulasi
Aktivis	-2.941	238	0.004	3.70	3.88
Reflektif	-2.490	238	0.013	3.81	3.95
Teoris	-2.210	238	0.028	3.94	4.06
Pragmatis	-2.396	238	0.017	3.76	3.89

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa perbezaan yang ketara dari sudut aliran pendidikan menunjukkan kumpulan pelajar lulusan diploma dan kumpulan pelajar lulusan matrikulasi memiliki pengalaman dan persekitaran yang tidak sama semasa berada di politeknik dan kolej matrikulasi. Maka di sini, pengkaji membuat andaian bahawa kelayakan kemasukan responden yang berbeza-beza ke UTHM telah menyebabkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM memiliki gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Jackson et al. (1994) memperkuatkan hasil dapatan ini dengan menyatakan bahawa kecenderungan gaya pembelajaran seseorang banyak dipengaruhi oleh pengalaman. Satu lagi penjelasan yang selari dengan dapatan kajian ini dibuat oleh Reid (1987), Melton (1990) yang menyatakan bahawa pelajar akan menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap satu-satu gaya pembelajaran yang baru melalui pengalaman yang dilaluinya.

Nik Azis (1999) menyatakan bahawa perkembangan setiap individu dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor persekitaran. Faktor dalaman membabitkan unsur baka, kematangan, motivasi dan personaliti. Manakala faktor persekitaran pula merujuk kepada pihak institusi pendidikan yang berperanan bagi menghadapi perbezaan individu dari segi peranan yang dilakukan oleh tenaga pengajar atau kawasan infrastruktur (Mohd. Salleh, 1999). Disebabkan oleh responden berada dalam aliran pendidikan yang berbeza-beza ini menyebabkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pembelajaran mereka.

Oleh itu, para pensyarah khususnya di Fakulti Pendidikan Teknik, UTHM perlulah mengambil kira mengenai perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar mereka. Menurut Saedah et al. (1996), strategi atau teknik pengajaran yang sesuai dengan kehendak pembelajaran pelajar akan meningkatkan lagi kualiti gaya pembelajaran seseorang individu dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Ini adalah kerana, jika proses pengajaran yang dijalankan menepati gaya pembelajaran seseorang pelajar tersebut, maka proses pengajaran dan pembelajaran di kelas tersebut akan berjalan dengan lancar dan berkesan dan akibatnya pelajar dapat memahami dan menguasai sesuatu pembelajaran yang disampaikan dengan cepat dan baik. Kenyataan ini disokong oleh Shabuddin dan Rohizani (2004) yang menyatakan gaya kognitif, cara berfikir, cara belajar dan kekuatan daya ingatan seseorang pelajar adalah bergantung kepada kaedah pengajaran serta struktur bahan pengajaran yang digemari oleh pelajar tersebut.

Cadangan dan Saranan

Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan dan saranan untuk dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan. Cadangan dan saranan ini adalah diharapkan dapat meningkatkan lagi kualiti pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM serta dapat membantu tenaga pengajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Cadangan Kepada Pelajar

Berikut adalah beberapa cadangan yang disarankan kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM:

i. Pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Aktivis

Pelajar-pelajar yang menggemari dan mempunyai kekuatan dalam aspek pembelajaran Aktivis ini disarankan supaya melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran secara berkumpulan dan penyelesaian masalah. Selain itu, pelajar juga digalakkan supaya melakukan perbincangan untuk mengeluarkan idea-idea yang baik. Ini akan dapat membantu pelajar meningkatkan lagi kefahaman tentang sesuatu yang telah dipelajari.

ii. Pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Reflektif

Pelajar yang mempunyai kekuatan dalam aspek gaya pembelajaran Reflektif digalakkan supaya melakukan aktiviti di mana pelajar boleh berada dalam situasi melihat dan berfikir seperti kaedah penyelidikan, perbincangan, projek atau kajian luar. Ini akan dapat membantu pelajar dalam penyelesaian masalah melalui pencarian maklumat dan bukti dalam masa yang panjang serta dapat melihat perkaitan maklumat yang diterima dengan dunia sebenarnya.

iii. Pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Teoris

Pelajar yang cenderung kepada gaya pembelajaran Teoris dikatakan lebih bersifat objektif dan analitik. Oleh itu pelajar-pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Teoris digalakkan lebih banyak menyediakan peta konsep dan peta minda untuk membantu mereka dalam pembelajaran. Pelajar juga disarankan melakukan aktiviti seperti perbincangan, bertukar pendapat dan menganalisis maklumat di mana pelajar perlu menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada untuk mencapai sesuatu objektif tertentu. Ini akan dapat membantu pelajar dalam mengingati dan memahami sesuatu pembelajaran dengan lebih berkesan.

iv. Pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Pragmatis

Pelajar yang gemar kepada gaya pembelajaran Pragmatis adalah tergolong dalam kumpulan yang suka berpijak pada bumi yang nyata. Pelajar-pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Pragmatis adalah digalakkan melakukan aktiviti yang menggunakan bahan-bahan konkrit dalam proses pembelajaran di mana pelajar boleh mengaplikasikan idea, teori dan teknik dalam latihan amali yang dilaksanakan. Ini akan dapat membantu pelajar

mengaitkan pembelajaran dalam dunia yang sebenar. Salah satu aktiviti yang sesuai untuk pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini ialah secara “*hands-on*” di mana pelajar menghasilkan sesuatu kerja dengan daya usaha sendiri dan mengaplikasikan teori yang dipelajari kepada praktikal contohnya melakukan aktiviti amali pendawaian elektrik. Oleh itu, pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini akan memahami dan menguasai sesuatu subjek yang dipelajari dengan cepat dan mudah.

Cadangan Kepada Tenaga Pengajar

i. Aktiviti pengajaran untuk pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Aktivistis

Pelajar yang tergolong dalam kumpulan ini biasanya suka melibatkan diri dalam latihan amali, permainan, sukan dan aktiviti kokurikulum. Oleh itu, strategi pengajaran yang sesuai digunakan untuk kumpulan pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis ialah kaedah inkuiri-penemuan, kaedah projek, penyelesaian masalah, kerja praktik, perbincangan, sumbang saran, simulasi dan main peranan.

ii. Aktiviti pengajaran untuk pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Reflektif

Pelajar yang tergolong dalam kumpulan reflektif biasanya suka belajar mata pelajaran seperti sejarah, bahasa dan suka melibatkan diri dalam aktiviti projek dan kajian luar. Oleh itu, strategi pengajaran yang sesuai untuk kumpulan pelajar ini ialah kaedah penyelesaian masalah, inkuiri-penemuan, projek dan perbincangan.

iii. Aktiviti pengajaran untuk pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Teoris

Golongan pelajar bersifat teoritis ini biasanya suka belajar matematik, sains, logik geografi dan sejarah. Oleh strategi pengajaran yang sesuai digunakan ialah kaedah induksi dan deduksi, bertukar pendapat melalui perbincangan dan mengumpul data untuk membuat analisis, tafsiran dan membuat rumusan melalui kaedah penyelidikan.

iv. Aktiviti pengajaran untuk pelajar-pelajar dalam aspek gaya pembelajaran Pragmatis

Golongan pelajar di bawah gaya pembelajaran pragmatis ini suka menggunakan bahan-bahan bersifat konkrit untuk menjalankan aktiviti pembelajaran. Oleh itu, strategi pengajaran yang sesuai digunakan untuk golongan pelajar ini ialah kaedah kerja praktik, strategi pemusatan bahan termasuk bahan elektronik, carta dan gambar rajah serta kaedah deduksi yang melibatkan aplikasinya.

Cadangan untuk Kajian Lanjutan

i. Pengkaji akan datang dicadangkan agar menjalankan kajian gaya pembelajaran dengan menggunakan beberapa model gaya pembelajaran yang lain. Ini bertujuan untuk mendapatkan skop yang lebih luas dalam gaya pembelajaran.

ii. Mengkaji dimensi baru berkaitan aspek gaya pembelajaran. Ini akan dapat memperkayakan pengetahuan dalam memahami gaya pembelajaran dan seterusnya dapat memberikan panduan yang berguna kepada pelajar dan pengajar.

- iii. Membandingkan gaya pembelajaran dengan gaya pengajaran pengajar. Ini adalah untuk mengenal pasti sama ada gaya pengajaran itu sesuai atau tidak dengan gaya pembelajaran yang dimiliki oleh pelajar mereka.
- iv. Melakukan kajian terhadap bilangan sampel yang lebih besar dan merangkumi bidang pengajian yang lain seperti bidang kejuruteraan.
- v. Melakukan kajian yang menyeluruh mengenai gaya pembelajaran di semua institusi pendidikan tidak kira di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Ini adalah untuk memberikan pendedahan betapa pentingnya mengetahui gaya pembelajaran seseorang individu dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian berkaitan gaya pembelajaran ini adalah berpandukan kepada empat gaya pembelajaran yang telah dibangunkan oleh Honey dan Munford. Pengkaji menggunakan gaya pembelajaran ini adalah kerana ia didapati merangkumi pergerakan manusia di antara empat gaya pembelajaran yang berbeza-beza di mana ia ditakrifkan sebagai Aktivistik, Reflektif, Teoris dan Pragmatis. Didapati bahawa keempat-empat gaya pembelajaran ini bersesuaian dengan kitaran pembelajaran di mana pelajar mempunyai pengalaman, menggambarkan pengalaman sedia ada, menterjemahkan pengalaman yang sedia ada dan mengaplikasikan teori ke dalam praktikal untuk melihat apa yang akan berlaku. Berdasarkan keputusan yang diperolehi melalui kitaran pembelajaran tadi, pelajar boleh mengulang semula kitaran tersebut untuk mencapai kejayaan dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan atau dengan kata lain sehinggalah pelajar tersebut faham apa yang telah dipelajari. Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM ini didapati paling menggemari gaya pembelajaran Teoris berbanding tiga gaya pembelajaran yang lain.

Dalam aspek gaya pembelajaran Aktivistik didapati pelajar lebih gemar kepada aktiviti yang melibatkan diri dalam latihan amali, permainan, sukan dan aktiviti kokurikulum. Manakala aspek gaya pembelajaran Reflektif menunjukkan pelajar lebih gemar melibatkan diri dalam aktiviti projek dan kajian luar. Aspek gaya pembelajaran Teoris pula menunjukkan pelajar lebih gemar dalam aktiviti yang melibatkan penggunaan prinsip dan teori untuk melakukan sesuatu perkara. Bagi aspek gaya pembelajaran Pragmatis pula pelajar lebih suka melibatkan diri dalam aktiviti yang menggunakan bahan-bahan yang konkrit dalam proses pembelajaran.

Perbandingan gaya pembelajaran yang dilakukan terhadap kumpulan pelajar lelaki dengan kumpulan pelajar perempuan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan jantina responden. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang itu. Ini disebabkan pengkaji melaksanakan kajian di kalangan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM dan memandangkan bidang pendidikan merupakan bidang yang didominasi oleh kumpulan pelajar perempuan, maka dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara gaya pembelajaran dengan kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan pelajar perempuan. Selain itu sampel kajian ini tidak bertaburan normal kerana bilangan responden yang dipilih mengikut jantina adalah tidak sekata.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Aktivis dengan kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan pelajar perempuan di mana kumpulan pelajar lelaki lebih menggemari gaya pembelajaran Aktivis berbanding kumpulan pelajar perempuan. Ini jelas menunjukkan bahawa kumpulan pelajar lelaki lebih suka kepada aktiviti yang lasak dan mencabar.

Manakala perbandingan gaya pembelajaran dengan kumpulan pelajar lepasan diploma dan lepasan matrikulasi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan lepasan kemasukan responden ke UTHM. Berdasarkan kepada keputusan analisis kajian didapati kumpulan pelajar lepasan matrikulasi lebih menggemari gaya pembelajaran Honey dan Munford. Ini terjadi mungkin disebabkan oleh faktor aliran pendidikan di mana kumpulan pelajar lepasan diploma telah melalui sistem pembelajaran di politeknik dan masih mengekalkan gaya pembelajaran yang sama berbanding dengan kumpulan pelajar lepasan matrikulasi yang masih terikut-ikut dengan gaya pembelajaran semasa di zaman sekolah menengah dan kolej matrikulasi.

Selain daripada itu faktor umur juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan gaya pembelajaran seseorang individu di mana majoriti kumpulan pelajar matrikulasi adalah di antara 20 hingga 23 tahun berbanding kumpulan pelajar lepasan diploma yang berumur atas 24 tahun. Dalam kajian yang dilaksanakan, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada dua kumpulan iaitu 120 orang kumpulan pelajar lepasan diploma dan 120 orang kumpulan pelajar lepasan matrikulasi. Ini jelas menunjukkan bahawa sampel kajian ini adalah bertaburan normal dan sekata kerana responden dibahagikan kepada dua kumpulan yang mempunyai bilangan responden yang sama.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini, didapati bahawa kebanyakan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional di UTHM mengamalkan kesemua gaya pembelajaran mereka. Berdasarkan kepada hasil analisis, kajian menunjukkan bahawa pelajar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional ini paling gemar dan mempunyai kekuatan dalam aspek gaya pembelajaran Teoris diikuti Reflektif, Pragmatis dan Aktivis. Oleh yang demikian pelajar perlulah mengambil langkah yang bijak untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan supaya dapat menghasilkan kualiti yang tinggi dalam pembelajaran masing-masing. Di samping itu juga secara tidak langsung dapat membantu pensyarah dalam mengenali gaya pembelajaran pelajar mereka untuk disesuaikan dengan gaya pengajaran agar proses pembelajaran dan pengajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar-pelajar mempunyai lebih dari satu gaya pembelajaran. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar perlu memikirkan tentang kekuatan dan kelemahan gaya pembelajaran yang mereka amalkan untuk mengenal pasti bagaimana mereka menerima sesuatu proses pembelajaran. Pelajar-pelajar yang dapat mengenal pasti kecenderungan gaya pembelajaran mereka boleh mencuba dan mengaplikasikan untuk mempelajari sesuatu yang baru. Namun begitu, sekiranya pelajar-pelajar lebih suka mengamalkan gaya pembelajaran yang telah sedia ada, mereka akan mendapati proses pembelajaran akan menjadi lebih cepat dan mudah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar perlulah mengetahui gaya pembelajaran yang mereka amalkan kerana ini akan dapat membantu mereka membangunkan strategi untuk menggantikan kelemahan yang ada sebagai dorongan kepada kekuatan yang dimiliki dalam diri seseorang.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa kesedaran pensyarah mengenai kewujudan perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar adalah sangat penting. Di samping pengamalan gaya pembelajaran di kalangan pelajar, gaya pengajaran pensyarah juga memainkan peranan yang penting di dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Oleh yang demikian, dengan adanya kepelbagaian dan persamaan di antara pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar, maka penyampaian sesuatu ilmu itu dikatakan berkesan dan seterusnya dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari.

BIBLIOGRAFI

- Dave W. Farthing and Dr. Geneen Stubbs. *A Report On A Longitudinal Study Of The Learning Styles Of Computing Undergraduate*. UK: University of Glamorgan Pontypridd.
- Ee Ah Meng. (2000). "Psikologi Pendidikan II (Semester II). Edisi Kelima." Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 155-156.
- Engku Intan Norazlin Bt. Che Engku Hussain. (2001). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pembelajaran Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di KUiTTHO* Tesis Sarjana KUiTTHO.
- Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. New York: CBS Publishing Asia Ltd.
- Hasnah Ibrahim. (1982). *Masalah-masalah Penuntut Dan Peranan Pensyarah Dalam Mengurangkan Kesan Masalah Ini Ke Atas Pencapaian Mereka*. Johor Darul Takzim: UTM.
- Honey dan Mumford. (1992). *The Manual of Learning Styles*. Maidenhead; Peter Honey.
- Julie Cotton. (1995). *The Theory of Learning Style Strategies: An Introduction*. London: Kogan Page.
- Kadar, M. (1999). *Gaya Pembelajaran Pelajar Semester Tiga Kursusu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Di Institut Teknologi Tun Hussein Onn*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, ITTHO.
- Khairulzaman Bin Annuar. (1998). *A Study of The Relationship Between Student Study Habits and Their Examination Scores At ITTHO*. Kajian Kes Sarjana, ITTHO.
- Kit Logan and Pete Thomas. (June, 2002). *Learning Styles in Education Students Learning to Programme*. UK: Open University, Department of Computing.
- Masniza Binti Musa. (2003). *Perkaitan Gaya Pembelajaran Dalam Prestasi Pelajar Bagi Subjek Ukur Kejuruteraan Di Politeknik*. Tesis Sarjana.
- Mok Soon Sang. (2001). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1 dan 2*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nafisah @ Kamariah Md Kamaruddin dan Nurhaiza Bt. Abd Wahab. (2004). *Learning Styles Of Form Four Electrical Engineering Students In Three echnical Schools In Malaysia*: Tesis Srajana, KUiTTHO.
- Shahabuddin Hashim dan Dr. Rohizani Yaakub. (2004). *Siri Pendidikan: Psikologi Pembelajaran Dan Personaliti*. Pulau Pinang: USM. 1-29, 48-77.
- Suzana Binti Muhammad. (2003). *Tinjauan Terhadap Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Semester Dua Diploma Pemasaran Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*. Tesis Sarjana, KUiTTHO.
- Syahrulazmin Bin Sarmin. (2004). *Analisis Pendekatan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal Di Politeknik Kota Melaka*. Tesis Sarjana, KUiTTHO.
- Winnie Sim Siew. (2000). *Gaya Pembelajaran dan Hubungannya Dengan Tahap Keupayaan Menyelesaikan Masalah Sains Di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Kawasan Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM): Tesis Sarjana, UTM.

Ya'akub, K. (2000). *Gaya Pembelajaran Pelajar ITTHO. Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Semester Satu, Tahun Satu Sesi 1998/1999, Kursus Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal, Oktober 2000*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.